

EKONOMI DAN KEWANGAN KERAJAAN

Pertumbuhan ekonomi perlu dikekal dalam keadaan sukar

S: Tan Sri menyentuh mengenai pertumbuhan ekonomi. Boleh Tan Sri terangkan lanjut?

J: Kita perlu mengekalkan pertumbuhan ekonomi walaupun ketika menghadapi kesukaran. Jika kita mahu mencapai pertumbuhan 4 hingga 4.5 peratus seperti yang disasarkan, komponen yang penting adalah pelaburan dan penggunaan swasta.

Kita sasarkan pelaburan swasta RM215 bilion pada tahun ini dan kita perlu menggerakkan semua jentera kerajaan untuk menjayakannya, sama ada ia datang dari Wilayah Koridor, Pengerang, MRT (Mass Rapid Transit) atau Projek Lebuh Raya Pan Borneo.

Semua projek ini perlu kita teruskan kerana ia memberi peluang pekerjaan kepada rakyat, selain menjana industri lain seperti besi, simen dan sektor perkhidmatan.

Kita juga akan terus memberi penekanan kepada projek berteraskan rakyat.

Kita perlu memberi tumpuan kepada eksport. Eksport negara kita kini berhadapan masalah kerana ekonomi China yang perlahan. Jadi, kita perlu memberi tumpuan kepada negara yang diramal mengalami pertumbuhan yang cepat seperti India, Asia Barat dan negara ASEAN, termasuk Vietnam dan Filipina. Kita perlu tembusi pasaran negara ini. Kita beritahu Majlis Eksport Negara dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk membuat promosi.

Kita tingkatkan dana sebanyak RM500 juta untuk Exim Bank dan dana ini akan digunakan untuk pembiayaan kewangan kredit eksport untuk syarikat kecil dan sederhana. Ini antara inisiatif yang kita lihat ketika ini.

1997 di mana pertumbuhan kita -7.4 peratus, kita bertumbuh lima peratus.

Jadi, kenapa kita perlu suntik lebih banyak wang untuk merangsang ekonomi, kenapa kita perlu pinjam lebih lagi? Kita tidak perlu meminjam, kita hanya perlu kekalkan paras hutang dan defisit tetapi perlu membuat pengubahsuaian, selain memberi fokus kepada projek berimpak tinggi dan memotong perbelanjaan yang tidak perlu.

S: Bagaimana dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) setakat ini?

J: Pelaksanaannya berjalan dengan baik dan kita hanya terima aduan dari segi tuntutan semula oleh syarikat. Jadi kita sudah beri KPI (Petunjuk Prestasi Utama) kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk mereka capai, supaya pembayaran tuntutan itu dapat dibuat dengan cepat. Ada syarikat kecil yang kita lihat membuat tuntutan yang banyak. Justeru, bagi syarikat seperti ini, audit perlu dilakukan oleh kastam.

Pada tahun lalu, kutipan kasar GST adalah sebanyak RM37 bilion dan kutipan bersih adalah RM27 bilion. Pada tahun ini, kita sasarkan kita sasarkan kutipan bersih GST sebanyak RM39 bilion.

S: Secara ringkas apa rumusan konsolidasi fiskal yang dicadangkan?

J: Konsolidasi fiskal ialah menambah pendapatan, mengoptimalkan perbelanjaan mengurus dan menyusun semula perbelanjaan pembangunan mengikut ketuamaan selain dasar kewangan yang akomodatif... ini di bawah Bank Negara. Kami sudah berbincang dengan mereka

kah penjimatan lebih RM9 bilion (menerusi Oengubahsuaian Bajet 2016) dan pengurangan perbelanjaan lain meletakkan kita dalam kedudukan yang terkawal kecuali jika harga minyak jatuh ke bawah paras AS\$20 (RM83) satu tong. Kalau jatuh sehingga antara AS\$35 hingga AS\$30, kita masih dapat bertahan berdasarkan Pengubahsuaian Bajet 2016.

S: Kalau negara hanya bergantung 14 peratus hasil daripada minyak kenapa ekonomi negara dikatakan teruk?

J: 14 peratus itu sudah cukup besar tapi sebelum ini pergantungan negara terhadap sumber minyak pernah mencecah 40 peratus. Ada pihak yang bertanya kenapa kita tidak mempelbagaikan sumber pendapatan kita. IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) dan Bank dunia mengiktiraf kejayaan negara mengurangkan kebergantungan kepada sumber minyak. PETRONAS dulu (2015) sumbangkan RM26 bilion, tahun ini RM16 bilion, berkurangan RM10 bilion. Tahun depan akan berkurangan lagi dan kita terpaksa cari sumber lain.

S: Perdana Menteri kata negara tidak mengalami kegawatan (recession) tetapi banyak syarikat/kilang menamatkan kontrak pekerja atau melakukan pemberhentian pekerja. Apa strategi kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan peluang kerja?

J: Sektor tertentu sudah tentu tak dapat elak apabila permintaan pasaran berkurangan. Itulah sebabnya kita guna dana Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) berjumlah RM200 juta bagi melatih semula pekerja diberhentikan dan Kementerian Sumber Manusia merumuskan langkah untuk membolehkan mereka bekerja di sektor lain. Kita juga tambah pengambilan pelajar, 15,000 pelajar baharu bagi program MyMaster dan 5,000 pelajar MyPhD.

Kedua-duanya menyumbang kepada masalah ini tetapi lebih kepada isu penguatkuasaan berbanding rasuah. Justeru, saya menepikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi kastam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengatasi masalah ini. Selain itu, peyang kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) untuk mendaftar sebagai pekerja yang sah juga akan menambah pendapatan kita dari segi permit kerja dan pembayaran cukai. Kini ada lima kategori pekerja asing yang akan dirangkumkan menjadi dua kategori dan ini juga akan menyumbang kepada pendapatan negara.

S: Semua langkah ini akan meningkatkan kecairan (liquidity)?

Secara keseluruhan kecairan akan berjumlah RM14 bilion dan pada masa sekarang kita tidak mahu menyentuh kadar faedah dan sebagainya. Selain itu, kita turut meminta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menasihatkan orang ramai mengenai pengurusan kewangan berhemah. Kita juga mendapat dividen tambahan daripada entiti berkaitan kerajaan, yang tidak termasuk dalam Pengubahsuaian Bajet 2016 selain RM16 bilion daripada PETRONAS.

S: Apa lagi penambahbaikan kerajaan yang dijangka menjana pendapatan negara?

Kita juga ada spektrum (penyiaran digital) yang akan ditender oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memberi hak untuk menggunakan spektrum kepada pemda yang berjaya. Ini dijangka menjana pendapatan besar sehingga beberapa bilion.

BH

31/1/2016

mls S

S: Bagaimana dengan cadangan memanfaatkan tanah kerajaan di lokasi strategik?

J: Ini juga menjadi strategi negara menambah pendapatan. Ada banyak tanah milik kerajaan di pusat bandar dan ada pemaju swasta yang berminat membangunkannya. Kita boleh adakan tender supaya lebih terbuka lagi telus. Semua inisiatif ini adalah bagi menambah pendapatan kerajaan.

Ini tidak termasuk dalam perolehan di bawah defisit 3.1 peratus, sebaliknya ia adalah tambahan kepada pendapatan sedia ada. Justeru, meskipun harga minyak jatuh melepasi tahap AS\$28 (RM116) satu tong, kita masih ada pendapatan tambahan ini sebagai penampakan (buffer).

Mengenai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), ada yang beranggapan yang Amerika Syarikat akan menakluk kita sedangkan ia membuka pasaran yang lebih besar. Populasi kita hanya RM30 juta dan kita memerlukan pasaran yang besar. Melaluinya, kita akan mendapat produk yang lebih berkualiti dan baik.

Kita juga komited dengan langkah konsolidasi fiskal yang dilaksanakan. Kita mencapai defisit 3.2 peratus dan pada tahun ini banyak penganalisis yang menjangkakan defisit itu akan naik.

Apabila kita sasaran defisit 3.1 peratus, mereka kata ia mungkin akan meningkat 3.3 atau 3.4 peratus tapi apabila kita menganalisis ekonomi kita, kita beri keutamaan, mengoptimumkan RM9 bilion, kita masih boleh mengekalkan pertumbuhan. Disebabkan itu, kita kekalkan defisit 3.1 peratus untuk memberi keyakinan kepada ekonomi dan sering kali melihat kepada mata wang, ekonomi, hutang dan deposit fiskal. Kita percaya kita boleh terus bertumbuh kerana kita bukan dalam kemelesetan. Kita bukan seperti pada

bagaimana mahu membantu sektor perbankan dan institusi kewangan dan mereka mengesyorkan penurunan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement) daripada 4 peratus kepada 3.5 peratus.

S: Sejauh mana harga minyak global menjejaskan ekonomi negara?

J: Lebih rendah harga minyak maka kuranglah pendapatan kerajaan tetapi lang-

S: Adakah Tan Sri puas hati dengan keadaan ekonomi sekarang?

J: Saya harap kadar pertukaran ringgit turun lebih rendah daripada RM4 bagi setiap dolar Amerika Syarikat dan harga minyak stabil sekitar AS\$35 satu tong. Kalau ini berlaku, senangnya saya menyediakan Bajet 2017. Lazimnya bagi Bajet 2017, kita mula kumpul data pada Mac ini dan adakan dialog dalaman diikuti dialog dengan umum pada Jun ini.

INFO

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2015-2016

| | 2015 (RM bn) | | 2015 (RM bn) | |
|--|-----------------|-------|--------------------|-------|
| | Sebenar | Bajet | Ubah suai bajet | |
| BRENT (AS\$ / setong) | 52 | 48 | 35 | 30 |
| Keuntungan | 219.1 | 225.7 | 217.9 | 216.3 |
| Perbelanjaan operasi | 217.0 | 215.2 | 211.2 | 210.7 |
| Baki akaun semasa | 2.1 | 10.4 | 6.7 | 5.6 |
| Perbelanjaan pembangunan (dapatan balik pinjaman) | 40.8 | 50.0 | 46.0 | 45.0 |
| Baki keseluruhan | -37.2 | -38.8 | -38.5 | -38.7 |
| (% kepada KDKN) | -3.2 | -3.1 | 3.7 | -3.1 |
| Hutang Kerajaan Persekutuan (% kepada KDKN) | 54.3 | 52.2 | 52.5 | 52.7 |